



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



**Mencipta Peluang  
Mencapai Gemilang**

# PANDUAN PENGGUNAAN LOGO SAMBUTAN ULANG TAHUN UMK KE-20



## Mencipta Peluang Mencapai Gemilang

### RASIONAL

#### **Angka 20**

Melambangkan genap 20 tahun penubuhan UMK (2006-2026) sebagai sebuah institusi yang konsisten membina legasi pendidikan, penyelidikan dan pembangunan keusahawanan.

#### **Tona Biru Angka 20**

Menzahirkan kesinambungan antara tradisi dan inovasi serta perpaduan dalam kalangan warga UMK dalam memperkukuh ekosistem pendidikan dan keusahawanan.

#### **Tiga Anak Panah Bergerak ke Atas dengan Tona dari Warna Korporat UMK**

Melambangkan warga UMK komited bergerak seiring dalam mencapai hala tuju, aspirasi dan kemajuan berterusan.

#### **Slogan "Mencipta Peluang, Mencapai Gemilang"**

Menzahirkan semangat kebersamaan seluruh warga UMK dalam membentuk masa depan yang mampan melalui penyediaan peluang pendidikan, keusahawanan dan pembangunan modal insan, sekaligus berperanan sebagai pemangkin harapan kepada masyarakat dan generasi akan datang.

## KAEDAH GANDINGAN

Susunan logo UMK dan sambutan ulang tahun hendaklah dikekalkan dalam satu komposisi tetap dengan penempatan logo UMK di sebelah kiri dan logo sambutan ulang tahun di sebelah kanan.

Sebarang perubahan terhadap nisbah saiz, jarak dan kedudukan antara logo UMK dan logo sambutan ulang tahun tidak dibenarkan bagi memastikan konsistensi dan identiti visual yang seragam di semua medium.



# WARNA & LATAR BELAKANG

## LOGO VERSI WARNA PENUH

Logo hendaklah digunakan dalam warna asal (warna penuh) yang telah ditetapkan. Penggunaan logo warna penuh pada latar gelap perlu ditambah dengan kotak berwarna putih atau cerah bersesuaian dengan tema warna reka bentuk.

Logo tidak dibenarkan diletakkan terus pada latar belakang yang bercorak, bergradien atau mempunyai kontras rendah yang boleh menjejaskan keterlihatan.



Logo warna penuh pada latar belakang berwarna cerah



Logo warna penuh pada latar belakang berwarna gelap atau bercorak

# WARNA & LATAR BELAKANG

## LOGO VERSI MONOKROM

Penggunaan versi monokrom (hitam atau putih) hanya dibenarkan sekiranya latar belakang atau kaedah cetakan tidak membenarkan penggunaan warna penuh.



Logo monokrom pada latar belakang berwarna cerah



Logo monokrom pada latar belakang berwarna gelap

## KEDUDUKAN LOGO

Logo hendaklah ditempatkan di bahagian yang jelas dan mudah dilihat bagi memastikan tahap keterlihatan dan pengenalan identiti UMK yang optimum.

Kedudukan logo yang dibenarkan adalah pada bahagian atas samada kiri, tengah atau kanan bagi bahan rasmi seperti banner, bunting, backdrop, slaid pembentangan dan lain-lain.

